



# INSURANS ISLAM TAIB GENERAL TAKAFUL

## SIJIL TAKAFUL PAMPASAN PEKERJA

### MAKLUMAN

1. Setiap kemalangan/kejadian hendaklah dilaporkan kepada Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kemalangan/kejadian sama ada ianya melibatkan atau tidak melibatkan kecederaan tubuh badan/kerosakan harta benda persendirian/orang lain.
2. Jika Peserta gagal untuk melaporkan dalam tempoh yang telah ditetapkan di atas, Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad berhak menolak sebarang tanggungan yang diajukan sama ada daripada pihak Peserta atau pihak ketiga.

## SIJIL TAKAFUL PAMPASAN PEKERJA

**BAHAWASANYA** Pemegang Sijil (kemudian daripada ini disebut “**Peserta**”) yang namanya di dalam Jadual yang dikembarkan (kemudian daripada ini disebut “**Jadual**”) yang menjalankan Urusniaga yang diperihalkan di dalam Jadual dan bukan yang lain tujuan Takaful ini melalui suatu Cadangan dan Akuan akan menjadi asas kontrak ini dan adalah disifatkan telah dimasukkan di sini telah memohon untuk menyertai Urusniaga Takaful Am yang diuruskan oleh Insurans Islam TAIB General Takaful Sendirian Berhad (kemudian daripada ini disebut “**IITGT**”) bagi takaful yang terkandung kemudian daripada ini dan telah membayar atau bersetuju untuk membayar sumbangan takaful yang dinyatakan di dalam Jadual sebagai balasan kepada takaful demikian.

**SIJIL INI DENGAN INI MENYAKSIKAN** bahawa jika pada bila-bila masa semasa Tempoh Takaful yang dinyatakan dalam Jadual mana-mana pekerja di dalam perkhidmatan terus Peserta mengalami kecederaan diri akibat daripada kemalangan atau penyakit yang berlaku dan dalam masa menjalankan pekerjaannya dengan Peserta di dalam Perniagaan dan jika Peserta adalah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi bagi kecederaan sedemikian di bawah Undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual atau Common Law maka adalah tertakluk kepada terma-terma, kekecualian-kekecualian dan syarat-syarat yang terkandung di bawah ini atau diendorskan di sini, IITGT akan mengganti rugi Peserta terhadap kesemua jumlah yang mana Peserta adalah bertanggungjawab dan sebagai tambahan bertanggungjawab terhadap kesemua kos dan perbelanjaan yang dikeluarkan dengan persetujuannya dalam pembelaan apa-apa tuntutan bagi ganti rugi sedemikian.

**DENGAN SYARAT SENTIASA** bahawa jika berlaku sebarang perubahan di dalam Undang-Undang atau perundangan yang menggantikannya, Sijil ini akan terus berkuatkuasa tetapi tanggungan IITGT akan terhad kepada jumlah wang yang IITGT seharusnya bertanggungjawab untuk membayar jika Undang-Undang tersebut tidak dipinda.

### KEKECUALIAN

- a) IITGT tidak akan bertanggungjawab di bawah Sijil ini bagi apa-apa kecederaan akibat daripada kemalangan atau penyakit berpunca daripada perang, pencerobohan musuh asing, kekacauan (sama ada perang diisytiharkan atau tidak) perang saudara, huru-hara, rusuhan, pemberontakan revolusi atau tentera atau pengambil alihan kuasa.
- b) Tanggungan Peserta terhadap pekerja-pekerja Kontraktor Peserta.
- c) Mana-mana pekerja yang bukan seorang “pekerja” di dalam makna Undang-Undang.
- d) Apa-apa tanggungan Peserta yang terkembar disebabkan suatu perjanjian tetapi yang tidak akan terkembar jika perjanjian demikian tiada.
- e) Apa-apa jumlah yang Peserta berhak untuk memperolehi kembali daripada mana-mana pihak tetapi tidak dapat diperolehi disebabkan oleh suatu perjanjian di antara Peserta dan pihak yang lain.
- f) Apa-apa tanggungan dalam apa jua keadaan pun secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau diakibatkan oleh atau berpunca dari:
  - i. Bahan senjata nuklear,
  - ii. Radiasi ion atau pencemaran radioaktif daripada bahan api nuklear atau daripada sisa buangan nuklear daripada pembakaran atau bahan api nuklear dan bagi tujuan pengecualian ini pembakaran adalah termasuk apa-apa proses nuklear.

### PENGELAKAN SESETENGAH TERMA DAN HAK BAGI PEROLEHAN SEMULA

Tiada apa-apa di dalam Jadual ini atau apa-apa pengendoskan di sini akan menjejaskan hak sesiapa yang berhak kepada tanggung rugi di bawah Sijil ini atau mana-mana orang lain untuk memperolehi semula suatu jumlah di bawah atau mengikut Akta Pampasan Pekerja, Bab 74.

Tetapi Peserta hendaklah membayar kembali kepada IITGT semua jumlah yang dibayar oleh IITGT yang mana IITGT tidak seharusnya menanggung untuk membayar tetapi dikehendaki untuk membayar disebabkan oleh Akta Pampasan Pekerja, Bab 74.

## Endosmen

Endosmen berikut hanya terpakai kepada Sijil ini jika secara khas disebut di dalam Jadual dan adalah tertakluk sebaliknya kepada terma-terma Sijil ini.

Endosmen No W.231

Tanpa mengira apa-apa perkara yang dinyatakan sebaliknya/berlawanan di dalam Sijil ini dan tertakluk kepada Syarat 6 dipotong, adalah difahami dan dipersetujui bahawa jika upah atau gaji yang dinyatakan di dalam ini adalah kurang daripada upah atau gaji sebenar (seperti yang didefinisikan di dalam Akta Pampasan Pekerja yang sekarang ini berkuatkuasa) yang dibayar atau kena dibayar kepada pekerja yang dilindungi bersesuaian dengan Tempoh Takaful, tanggungan IITGT berhubung dengan apa-apa tuntutan di bawah Sijil ini akan secara berkadar dikurangkan.

Tertakluk sebaliknya kepada terma-terma, pengecualian-pengecualian dan syarat-syarat Sijil ini.

### SYARAT-SYARAT

#### 1. Kontrak

Sijil ini dan Jadual hendaklah dibaca bersama sebagai satu perjanjian dan mana-mana perkataan atau pernyataan yang mana suatu makna khas telah dikembarkan di dalam mana-mana bahagian Sijil ini atau jadual akan membawa makna khas sedemikian di mana sahaja ia dinyatakan.

#### 2. Notis

Setiap notis atau komunikasi yang akan diberikan atau dibuat di bawah Sijil ini hendaklah dibuat secara bertulis kepada IITGT.

#### 3. Pencegahan Kemalangan Dan Penyakit

Peserta hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah kemalangan dan penyakit dan hendaklah mematuhi kesemua tanggungjawab statutori.

#### 4. Tuntutan

Jika berlakunya apa-apa keadaan yang boleh menimbulkan suatu tuntutan di bawah Sijil ini, Peserta hendaklah secepat mungkin memberi notis kepada IITGT dengan butir-butir yang lengkap. Setiap surat tuntutan, writ, saman dan proses hendaklah dimaklumkan atau dikemukakan kepada IITGT sebaik sahaja Peserta mengetahui sebarang pendakwaan inkues atau siasatan kematian yang sedang dijalankan berhubung dengan apa-apa kejadian sedemikian yang dinyatakan di atas.

#### 5. Perjalanan dan Kawalan Prosiding

Tiada pengakuan, tawaran janji atau bayaran yang akan dibuat oleh atau bagi pihak Peserta tanpa persetujuan IITGT yang berhak sekiranya ia berhasrat demikian mengambil alih di atas nama Peserta dan membuat pembelaan atau penyelesaian sebarang tuntutan atau mendakwa di atas nama Peserta bagi faedah IITGT apa-apa tuntutan bagi tanggung rugi, gantirugi atau sebaliknya dan adalah mempunyai budi bicara penuh di dalam menjalankan apa-apa prosiding dan di dalam penyelesaian apa-apa tuntutan dan Peserta hendaklah memberikan semua maklumat dan bantuan yang diperlukan oleh IITGT.

#### 6. Pengiraan Sumbangan Takaful

Sumbangan takaful pertama dan semua sumbangan takaful bagi pembaharuan Sijil ini yang mungkin diterima adalah bergantung kepada jumlah upah, gaji dan pendapatan-pendapatan lain yang dibayar oleh Peserta kepada pekerja-pekerja bagi setiap Tempoh Takaful. Nama setiap pekerja bersama-sama dengan jumlah upah, gaji dan pendapatan lain hendaklah direkodkan dengan sempurna dan Peserta hendaklah setiap masa membenarkan IITGT memeriksa rekod-rekod tersebut dan hendaklah membekalkan kepada IITGT akaun yang tepat berhubung dengan upah, gaji dan pendapatan lain demikian yang dibayar sepanjang masa Tempoh Takaful dalam tempoh satu (1) bulan daripada tarikh mansuh Tempoh Takaful tersebut. Jika jumlah yang dibayar itu berbeza daripada jumlah sumbangan Takaful yang

telah dibayar, perbezaan di dalam sumbangan takaful akan dipenuhi dengan cara pembayaran berkadaran seterusnya kepada IITGT atau pemulangan wang oleh IITGT sebagaimana yang mungkin.

## 7. Pembatalan Sijil

### a) Pembatalan oleh Peserta:

Peserta boleh membatalkan Sijil ini pada bila-bila masa, dengan mengembalikan Sijil takaful kepada IITGT jika tiada tuntutan berlaku atau dibuat semasa Tempoh Takaful.

- Selepas mengembalikan Sijil Takaful, Peserta berhak menerima baki sumbangan takaful secara pro-rata bagi tempoh Sijil Takaful yang belum berkuatkuasa.
- IITGT tidak akan mengembalikan upah Wakalah kepada Peserta melainkan pembatalan yang dibuat oleh Peserta adalah atas sebab yang tidak dijangka\* dan tertakluk kepada budi bicara dan keputusan IITGT. Tiada caj pembatalan akan dikenakan kepada Peserta apabila pembatalan dibuat.

### b) Pembatalan oleh IITGT:

- IITGT boleh membatalkan Sijil ini dengan menghantar empat belas (14) hari notis awal secara bersurat dan berdaftar kepada Peserta di alamat yang terakhir diketahui.
- Peserta berhak menerima sumbangan takaful secara pro-rata bagi tempoh yg belum berkuatkuasa empat belas (14) hari daripada tarikh notis diberikan hingga tarikh mansuh Sijil Takaful.

***\*Nota: Sebab yang tidak dijangka bermaksud kematian, hilang akal (disahkan oleh pegawai kesihatan yang bertauliah) dan muflis yang diisytiharkan oleh Mahkamah Negara Brunei Darussalam.***

## 8. Timbangtara

Semua perselisihan yang timbul daripada Sijil ini akan secara berasingan daripada persoalan-persoalan lain dirujuk kepada keputusan seseorang Penimbangtara yang akan dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak yang berselisihan itu atau jika mereka tidak dapat menyetujui seseorang Penimbangtara kepada keputusan dua (2) orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbangtara-Penimbangtara yang mana setiap seorang akan dilantik secara bertulis oleh setiap satu pihak dalam tempoh dua (2) bulan kalendar selepas diminta secara bertulis berbuat demikian oleh pihak yang satu lagi. Jika salah satu pihak menolak atau gagal untuk melantik seorang Penimbangtara dalam tempoh dua (2) bulan kalendar selepas menerima notis bertulis meminta perlantikan pihak yang satu lagi adalah bebas untuk melantik seorang Penimbangtara tunggal dalam tempoh dua (2) bulan kalendar dan di mana persetujuan tidak dicapai antara Penimbangtara-Penimbangtara, perselisihan akan dirujuk kepada keputusan seorang Pengadil yang akan dilantik oleh Penimbangtara-Penimbangtara secara bertulis sebelum menyetujui ke atas rujukan tersebut dan yang akan duduk bersama dengan Penimbangtara-Penimbangtara dan menganggotai di dalam perjumpaan-perjumpaan mereka. Kematian mana-mana belah pihak tidak akan membatalkan atau menjejaskan kuatkuasa atau kuasa penimbangtara, Penimbangtara-Penimbangtara atau Pengadil dan di dalam hal di mana seorang Penimbangtara atau pengadil meninggal, seorang lagi bagi setiap kes akan dilantik ditempatnya oleh Pihak atau Penimbangtara (sebagaimana mungkin) yang telah melantik Penimbangtara atau Pengadil yang meninggal tersebut. Kos rujukan dan award adalah pada budibicara Penimbangtara, Penimbangtara-Penimbangtara atau Pengadil yang membuat award tersebut. Dan dengan ini adalah diperuntukkan dan diakui bahawa adalah menjadi syarat awalan bagi apa-apa hak tindakan guaman berdasarkan Sijil ini bahawa award oleh Penimbangtara, Penimbangtara-Penimbangtara atau pengadil tersebut berkenaan dengan jumlah kehilangan atau kerugian jika dipertikaikan hendaklah terlebih dahulu diperolehi. Kos seorang Penimbangtara hendaklah ditanggung oleh pihak yang melantiknya dan Kos Pengadil hendaklah dikongsi diakui sama rata oleh Peserta dan IITGT.

## 9. Syarat Awalan

Kepatuhan dan pemenuhan terma-terma, syarat-syarat dan endosmen Sijil ini setakat mana ia berkait dengan apa-apa perkara yang hendaklah dilakukan dan tidak boleh dilakukan oleh peserta dan kebenaran kenyataan-kenyataan dan jawapan di dalam Cadangan dan Akuan hendaklah menjadi syarat awalan bagi apa-apa tanggungan IITGT untuk membuat apa-apa pembayaran di bawah Sijil ini.

## 10 TABARRU'

*Tabarru'* merupakan kontrak persetujuan peserta untuk memberikan sejumlah sumbangan yang akan dibayar ke dalam dana takaful. Para peserta memberikan bahagian enam puluh lima peratus (65%) daripada sumbangan mereka sebagai *Tabarru'* yang bertujuan digunakan sebagai manfaat atau pampasan kepada peserta takaful yang lain sekiranya mengalami musibah bagi tujuan bantu-membantu dan saling jamin-menjamin di antara mereka.

## 11 WAKALAH

*Wakalah* merujuk kepada kontrak apabila satu pihak sebagai prinsipal (*Muwakkil*) memberikan tanggungjawab ataupun amanah kepada satu pihak lain sebagai ejen (*Wakil*) untuk melaksanakan tugas-tugas yang tertentu, yang juga boleh diwakilkan, sama ada secara sukarela ataupun dengan memberikan bayaran upah.

Peserta takaful menyumbang kepada dana takaful sebagai *Tabarru'*. Kemudian para peserta sebagai satu kumpulan melantik IITGT menjadi agen (*Wakil*) mereka untuk mengurus dana takaful bagi tujuan "kegiatan takaful" misalnya pengunderaitan sumbangan, pengurusan risiko dan pengurusan tuntutan. Untuk aturan *Wakalah* ini, IITGT akan mengenakan upah tiga puluh lima peratus (35%) daripada sumbangan yang telah ditentukan dan disepakati di dalam Borang Cadangan. Upah *Wakalah* tidak akan dikembalikan kepada peserta yang membatalkan sijil ini.

## 12 PEMBAHAGIAN LEBIHAN (*Surplus*)

Lebihan (*surplus*) akan ditentukan pada akhir tempoh kewangan, dan jika terdapatnya lebihan (*surplus*) dari Dana Takaful ianya akan dikongsikan antara Dana Peserta dan IITGT berdasarkan nisbah tujuh puluh peratus (70%) kepada Dana Peserta dan tiga puluh peratus (30%) kepada IITGT. Lebihan (*surplus*) yang berada di dalam Dana Peserta akan diisytiharkan dan diagihkan kepada peserta yang layak. IITGT adalah berkelayakan menerima perkongsian lebihan (*surplus*) sebagai upah prestasi baik atau cemerlang IITGT kerana menguruskan Dana Takaful dengan baik.

Bagi peserta yang telah membuat tuntutan atau menerima manfaat takaful, lebihan (*surplus*) tidak akan diberikan atau diagihkan tetapi akan dimasukkan semula ke dalam Dana Takaful sebagai *Tabarru'*.

Peserta layak menerima lebihan (*surplus*) jika pembatalan Sijil takaful dibuat sebelum penutupan kewangan pada akhir tahun. Pengiraan lebihan (*surplus*) adalah mengikut sumbangan yang dibuat ke atas Dana Takaful.

## 13 JUMLAH BAYARAN KECIL

Mana-mana jumlah lebihan yang akan dibayar kepada Peserta daripada bayaran balik/serahan/matang/pembatalan/tuntutan adalah BND 5.00 (Ringgit Brunei: Lima) dan kebawah, IITGT akan menyalurkan ke badan-badan kebajikan yang diiktiraf di atas pilihan Syarikat sebagai amal jariah bagi pihak peserta.